

Stop Mitigating Rape

BM: Jangan 'Ringankan' Kesalahan Rogol

17 Mac 2017

Gabungan Organisasi Wanita Bertindak Bagi Kesamarataan Gender (JAG) menyuarakan kebimbangan terhadap kenyataan yang dikeluarkan oleh Peguam Syariah saudara Faiz Fadzil dalam [artikel](#) terbaru beliau yang mencadangkan bahawa adalah lebih baik jika gadis di bawah umur untuk berkahwin seandainya telah mengadakan hubungan seks luar nikah sekiranya mereka mengandung, asalkan kedua-dua pihak bersetuju berkahwin.

Kenyataan ini berbahaya kerana ia tidak bertepatan dengan definisi konsep perkataan 'persetujuan' atau '*consent*', selain membelakangkan undang-undang statutori yang sedia wujud. Tambahan kenyataan ini menidakkan realiti bahawa wujudnya ketidakseimbangan kuasa dalam kes-kes perkahwinan bawah umur.

Rogol Statutori dalam Undang-Undang Kanun Keseksaan didefinisikan sebagai sebarang aktiviti seksual dengan gadis di bawah umur 16 tahun, kerana gadis berkenaan tidak berupaya untuk memahami sifat dan kesan memberi "persetujuan". Kita seharusnya tidak cuba meringankan jenayah rogol statutori dengan membenarkan atau menggalakkan pelaku jenayah tersebut mengahwini mangsa. Tindakan ini ternyata salahguna terhadap undang-undang yang digubal bertujuan untuk melindungi kanak-kanak.

Tambahan pula, kenyataan Faiz Fadzil iaitu "perkahwinan adalah satu peluang bagi Umat Islam yang melakukan hubungan seks luar nikah untuk bertaubat" adalah penghinaan kepada institusi perkahwinan, bahkan konsep sebegini tidak dianjurkan oleh Islam. Al-Quran ada menyatakan bahawa perkahwinan dibina atas dasar kasih sayang dan hormat menghormati. Tiada ayat yang menyatakan bahawa perkahwinan sebagai peluang untuk bertaubat daripada aktiviti seks luar nikah atau rogol.

Kenyataan yang berlaku di Malaysia adalah kebanyakan kes perkahwinan bawah umur yang seharusnya mendapat "persetujuan" daripada pihak bawah umur, tidak lebih sekadar cara perogol untuk mengelak daripada dibicarakan dibawah undang-

undang. Kebiasaannya, ibu bapa kepada mangsa rogol juga turut mempengaruhi mangsa yang masih di bawah umur untuk berkahwin dengan perogolnya dengan alasan untuk menutup aib.

Tanggapan bahawa bayi hasil daripada hubungan luar nikah akan menjadi lebih 'selamat' jika ibu kepada bayi tersebut yang masih di bawah umur berkahwin dengan perogolnya, memberi gambaran bahawa beban dan tanggungjawab terhadap bayi tersebut wajib dipikul oleh ibu muda itu sahaja. Sudah tiba masanya kerajaan dan masyarakat membentuk satu sistem pendaftaran bayi mandatori yang terbuka untuk diakses umum. Perkahwinan tidak seharusnya dilihat sebagai satu-satunya jalan penyelesaian kepada mangsa rogol dan jalan untuk anak luar nikah memperoleh hak mereka.

Undang-undang keluarga Islam di Malaysia kini hanya meletakkan tanggungjawab terhadap anak kepada wanita. Seorang bapa tidak mempunyai sebarang hak penjagaan atau kewajipan terhadap anak tersebut. Sudah tiba masanya undang-undang tersebut disemak kembali memandangkan perkembangan saintifik membolehkan bapa kandung bayi tersebut dikenalpasti. Jika mangsa rogol mampu mendapatkan keperluan sara hidup bayi daripada bapa bayi tersebut maka alasan perkahwinan dengan perogol perlu untuk menyelamatkan mangsa mahupun bayi tidak lagi relevan.

Malaysia sebagai ahli Konvensyen Untuk Menghapuskan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita (CEDAW) dan Konvensyen Mengenai Hak Kanak-kanak (CRC) mempunyai tanggungjawab untuk memenuhi Artikel 16(2), yang menghalang perkahwinan kanak-kanak. Salah satu cara untuk melakukannya adalah dengan mengubah cara berfikir di mana tanggapan bahawa perkahwinan adalah penyelesaian kepada jenayah rogol.

Kenyataan ini disokong oleh ahli Gabungan Organisasi Wanita Bertindak Bagi Kesamarataan Gender (JAG) berikut:

1. Sisters in Islam (SIS)
2. All Women's Action Society (Awam)

3. Association of Women Lawyers (AWL)
 4. Empower
 5. Perak Women for Women (PWW)
 6. Sabah Women's Action Resource Group (Sawo)
 7. Women's Aid Organisation (WAO)
 8. Women's Centre for Change (WCC)
-